

Kita mahu MCA yg bersatu kata Dr. M

Oleh JAMALUDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap MCA tetap satu bukan berpecah menjadi dua MCA.

Bercakap ketika diminta mengulas kedudukan Datuk Michael Chen sebagai Menteri Kabinet beliau berkata, "Perkara itu terserah kepada Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn untuk membuat keputusan

muktamad."

"Tetapi apa yang saya ketahui ialah Datuk Chen, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Datuk Lee San Choon selaku Presiden MCA telah menemui Datuk Hussein mengenai perkara itu," kata beliau.

Ditanya mengenai perkara Datuk Chen dibincangkan dalam Majlis Tertinggi UMNO malam ini beliau berkata, "Datuk Hussein sudah tentu melaporkan kedudukan politik MCA kepada MT dan ini sudah tentu kedudukan Datuk Chen sebagai Menteri Kabinet akan disentuh."

Kedudukan calon Presiden MCA yang kalah, Datuk Chen sebagai Menteri Kabinet telah dipertikaikan oleh Jawatankuasa Pusat MCA yang bersidang Selasa lalu.

Enggan

Jawatankuasa Pusat MCA mahukan Datuk Hussein menggugurkan Datuk Chen dari jawatan Menteri Kabinet dan digantikan dengan pemimpin MCA yang lain.

Datuk Chen ketika ditemui di pejabatnya mengesahkan bahawa beliau telah pun mengadakan perbincangan dengan Datuk Hussein mengenai kedudukannya sebagai Menteri Kabinet.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lebih lanjut tetapi hanya berkata, "Perdana Menteri sudah tentu akan membuat pengumuman mengenai kedudukan saya esok atau beberapa hari lagi.

Mengenai penubuhan parti baru beliau berkata, adalah terlalu awal untuk memberi komen dan menganggap berita itu setakat ini hanya spekulasi sahaja.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia